

MRT: Laluan Sg. Buloh-Kajang mula dikorek Mei

OFFENBERG, Jerman 23 Nov. - Kerja-kerja membina laluan bawah tanah sepanjang 9.5 kilometer (km) untuk landasan MRT Sungai Buloh-Kajang dijangka bermula Mei tahun depan.

Pengurus Projek, Gusztav Klados berkata, pembinaan akan bermula di Syaf Pelancaran Cochrane sebaik sahaja pemasangan semula mesin pengorek terowong (TBM) selesai dilaksanakan.

Mesin itu, katanya, dijangka tiba dari Jerman selewat-lewatnya awal Februari 2013.

"Sebanyak 10 buah TBM telah ditempah dan yang pertama akan tiba di Malaysia pada penghujung Januari atau awal Februari tahun depan.

"Cochrane dipilih (sebagai tapak mula) kerana kawasan itu yang paling kurang bermasalah seperti kesesakan jalan raya," katanya.



Beliau berkata demikian dalam majlis meraikan kejayaan mesin pertama itu melepasi ujian kelulusan pengilangan (FAT) di kilang pembuatannya, Herrenknecht AG di Schwannau, sebuah kampung di sini yang terletak di selatan Jerman.

Ujian itu dikendalikan oleh jurutera-jurutera Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp), dan kontraktor kerja pembinaan laluan bawah tanah projek tersebut,

MMC-Gamuda KVMRT (T) Sdn. Bhd., bersama-sama Herrenknecht.

Yang turut hadir dalam majlis itu ialah Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp., Amir Mahmood Razak; Pengarah Projek, Satpal S. Bhogal serta pengasas dan pemilik Herrenknecht AG, Dr. Martin Herrenknecht serta sekumpulan wartawan dari Malaysia.

Menurut Klados, mesin baharu itu menggunakan teknologi baharu dan direka bentuk untuk pelbagai kegunaan setelah pihaknya mengumpul pengalaman daripada projek pembinaan terowong Smart Tunnel and Stormwater Management (SMART) beberapa tahun lalu.

Ditanya mengapa pihaknya memerlukan sehingga 10 buah mesin yang dikatakan berharga kira-kira

RM450 juta keseluruhannya, Klados berkata, perkara itu disebabkan pihaknya mengejar masa yang ditetapkan.

"Kami berharap untuk mengorek terowong sepanjang 10 meter sehari secara purata," katanya.

Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang sepanjang 51km adalah projek pertama daripada tiga projek pembinaan rel sistem pengangkutan awam tersebut termasuk pembinaan 31 buah stesen dan dijangka siap pada 2016.

Laluan Sungai Buloh-Kajang, apabila siap kelak, akan mempunyai landasan bawah tanah dua hala sepanjang 9.5km yang merentasi tujuh buah stesen.

Sementara itu, Amir Mahmood berkata, ujian berkenaan adalah langkah penting dalam projek pembinaan

sistem pengangkutan awam terbaru itu kerana ia menandakan penyempurnaan proses pembuatan TBM berkenaan.

"MRT Corp., dan MMC-Gamuda telah memeriksa TBM berkenaan untuk memastikannya menepati spesifikasi yang telah ditetapkan dan dapat berfungsi dengan sempurna," katanya.

Mesin itu dikatakan telah melepasi 450 jenis pemeriksaan.

Menurut Amir Mahmood, yang lebih penting majlis itu menandakan penyempurnaan pembinaan mesin jenis TBM Kelikatan Pelbagai yang pertama seumpamanya, hasil kerjasama MMC-Gamuda dan Herrenknecht khusus untuk membina terowong di kawasan batu kapur di Kuala Lumpur yang begitu menca-
bar. - UTUSAN